
Title	Problem-based learning: Konsep dan pendekatan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu
Author(s)	Mohd Aidil Subhan B Mohd Sulor
Source	<i>Persidangan Pengajaran Bahasa Melayu, Singapura, 25 September 2004</i>
Publisher	Kumpulan Sokongan Bahasa Melayu, Kelompok 3 Timur dan Majlis Bahasa Melayu Singapura

Copyright © 2004

This document may be used for private study or research purpose only. This document or any part of it may not be duplicated and/or distributed without permission of the copyright owner.

The Singapore Copyright Act applies to the use of this document.

This document was archived with permission from the copyright holder.




PERSIDANGAN PENGAJARAN BAHASA MELAYU

anjukan bersama
**KUMPULAN SOKONGAN BAHASA MELAYU,
KELOMPOK 3 TIMUR**
dan
MAJLIS BAHASA MELAYU SINGAPURA

**SESI SERENTAK
KERTAS**

A3

**PROBLEM-BASED LEARNING:
KONSEP & PENDEKATAN DALAM PENGAJARAN
DAN PEMBELAJARAN BAHASA MELAYU**
EN MOHD AIDIL SUBHAN B MOHD SULOR
NIE / NTU



Problem-based learning: **konsep & pendekatan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu**

Mohamed Aidil Subhan bin Mohamed Sulor
Teaching Fellow
Asian Languages & Cultures
National Institute of Education
Nanyang Technological University

Presented during Conference on Teaching of Malay Language
25 September 2004
Changi Meridien Hotel
Singapore

Abstrak

Konsep problem-based learning (PBL) bukan merupakan satu konsep yang baharu dalam pendidikan. Namun demikian, ia telah muncul semula dalam abad ke 21 sebagai satu inovasi pendidikan dalam era ekonomi berteraskan ilmu dan pengajaran dan pembelajaran yang menitikberatkan pemikiran kreatif dan kritikal.

Kertas kerja ini akan memperkenalkan konsep PBL pada dasarnya di samping pendekatan penggunaannya dalam situasi pengajaran dalam kelas bahasa Melayu di sekolah rendah.

Pendahuluan

Sistem pendidikan kita sebelum ini menitikberatkan perkara-perkara berikut:

1. Pembelajaran melalui menghafalan,
2. pembelajaran melalui peniruan, dan
3. pembelajaran melalui pengikutan.

Tetapi kini, sistem pendidikan di Singapura menitikberatkan juga aspek pembelajaran sendiri di samping aspek fungsional dalam pendidikan yang diberi di sekolah-sekolah. Oleh yang demikian, inisiatif-inisiatif seperti *experiential learning*, *independent learning*, dan kini *innovation & enterprise* menjadi kata-kata kunci dalam perancangan pembelajaran setiap guru.

Apa itu PBL?

Problem-based learning (PBL) ataupun pembelajaran berdasarkan permasalahan bukan merupakan satu bentuk pembelajaran yang baharu. Ia telah digunakan sejak tahun 50an di sekolah-sekolah kedoktoran di Amerika Syarikat. Menurut Robert Delisle (1997, 7),

PBL amat sesuai bagi setiap penuntut, manakala strateginya ideal untuk kelas pelbagai kebolehan yang mana mereka boleh bekerjasama untuk menyelesaikan sesuatu masalah.

Di Amerika Syarikat, penggunaan pendekatan PBL dalam pendidikan amat meluas sekali. Kejayaan penggunaannya adalah berdasarkan nilai-nilai berikut yang dicapai,

1. penggunaan isu-isu kehidupan seharian,
2. penyertaan secara aktif,
3. pembelajaran antara bidang,
4. pelajar yang membuat pilihan dalam pembelajaran, dan
5. pembelajaran kolaboratif

Kebaikan PBL

Selain daripada ini, PBL juga berupaya meningkatkan kualiti pendidikan melalui penekanannya terhadap penyelesaian masalah dan pemikiran.

Berdasarkan pendekatan PBL dalam kurikulum pula, Tan (2003) menjelaskan ciri-cirinya,

1. Masalah yang ditimbulkan merupakan permulaan pembelajaran.
2. Perlu ditimbulkan masalah yang sebenar dan disampaikan dalam bentuk yang tidak berstruktur.
3. Masalah yang ditimbulkan memerlukan pandangan dari pelbagai perspektif. Penggunaan ilmu yang merentasi bidang-bidang tertentu merupakan kriteria utama kurikulum yang menerapkan PBL.

4. Masalah yang ditimbulkan mencabar pengetahuan sedia ada pelajar, sikap mereka, berserta kebolehan yang mereka perolehi sebelum ini.
5. Pembelajaran sendiri diutamakan.
6. Sumber utama PBL adalah pemantauan pelbagai sumber pengetahuan dan peninjauan dan penggunaan sumber maklumat yang sedia ada.
7. Pembelajaran bersifat kolaboratif, komunikatif dan kooperatif.
8. Pemupukan kemahiran inkuiri dan kemahiran penyelesaian masalah adalah sama penting dengan pengetahuan "content knowledge" dalam proses hendak menyelesaikan masalah.
9. Di akhir proses PBL, perlu ada sintesis dan integrasi pembelajaran.
10. PBL juga perlu, sebagai penutup, menilai dan meninjau pengalaman pembelajar dan proses pembelajaran.

Oleh yang demikian, objektif akhir PBL termasuk pembelajaran subjek tersebut, di samping mempelajari kemahiran proses (*acquisition of process skills*), dan pembelajaran luas kehidupan (*lifewide learning*). Pembelajaran, luas kehidupan ini bermaksud pengamatan dan pengukuhan kemahiran-kemahiran seperti berikut,

1. *self-directed learning*
2. *independent information mining*
3. *collaborative learning*
4. *reflective learning*

Penggunaan di sekolah

Dalam sebuah kertas kerja yang dihasilkan oleh Sekolah Menengah Anderson pada tahun 2000, mereka telah menjalankan projek PBL di peringkat *cluster* dengan mengikuti empat langkah utama dalam penghasilan permasalahan. Empat langkah itu adalah seperti berikut:

1. mencari inspirasi/idea – sumber inspirasi boleh didapati melalui artikel suratkhbar, ucapan, perbualan di antara rakan, sebuah buku ataupun majalah,
2. menghasilkan peta konsep berdasarkan isu yang ingin diutarakan dan tema,

3. mengenalpasti pengisian dan kemahiran yang diperlukan
4. menjana senario satu permasalahan yang boleh dipercayai atau sememangnya wujud

Dalam satu lagi kajian yang dijalankan di lima buah sekolah rendah, murid-murid darjah lima mereka diminta membuat pemilihan mengenai soalan-soalan permasalahan yang mereka rasakan paling perlu untuk diselesaikan. Dapattannya adalah seperti berikut:

Kategori permasalahan	Jumlah catatan
Masalah alam sekitar	110
Kesihatan	63
Perlakuan sosial – umum	41
Akademik	40
Perlakuan sosial – di sekolah	39
Keluarga	36
Persahabatan	22
Wang jajan	22
Perkara yang menakutkan	14
Peningkatan diri	12
Jumlah	399

Berdasarkan jadual di atas, jumlah tertinggi masalah yang dikenāl pasti adalah dari kategori alam sekitar (110), diikuti oleh masalah kesihatan (63), dan masalah perlakuan sosial di tempat umum (41). Antara kategori yang menerima bilangan jumlah masalah tersedikit adalah perkara-perkara yang menakutkan (14) dan masalah peningkatan diri (12). Sebanyak 399 masalah kesemuanya telah dicatatkan dalam latihan ini.

Oleh yang demikian, guru-guru yang telah melaksanakan program PBL di sekolah-sekolah tersebut telah mengumpul seberapa banyak senario masalah yang perlu diselesaikan bertemakan alam sekitar, kesihatan, perlakuan sosial dsbnya. Latihan ini perlu agar murid-murid akan terangsang untuk mengikuti pembelajaran kerana aktiviti adalah berdasarkan cetusan pemikiran mereka, dan bukan sesuatu yang direka oleh guru berdasarkan apa yang guru rasa sebagai penting untuk murid itu.

Apa yang dianggap sebagai satu masalah?

Ada empat perkara yang mesti wujud dalam sesuatu 'masalah' itu menurut Michael Hicks (1991);

1. Kita perlu kenal pasti kewujudan sesuatu masalah,
2. kita tidak pasti jalan penyelesaian terhadap masalah tersebut,
3. kita hendak mencari jalan penyelesaian terhadap masalah tersebut, dan
4. kita beranggapan bahawa jalan penyelesaian dapat ditemui.

Oleh yang demikian, sesuatu permasalahan yang diketengahkan melalui PBL perlulah diterima oleh pelajar itu sebagai satu masalah yang mana jalan penyelesaian perlu dicari, dan melalui proses percubaan, ia dapat diatasi.

Jenis-jenis permasalahan

Masalah-masalah yang hendak kita utarakan itu juga boleh dibahagi-bahagikan kepada beberapa jenis. Antaranya adalah,

1. masalah kegagalan prestasi
2. masalah situasi yang memerlukan pembetulan terus atau peningkatan mutu
3. masalah mencari cara yang lebih baik dan baharu dalam melakukan tugas-tugas tertentu
4. masalah kejadian yang tidak dapat dijelaskan atau diamati
5. permasalahan kerana kurang maklumat dan pengetahuan
6. permasalahan penyelesaian masalah
7. masalah keperluan penghasilan barang atau reka bentuk baharu

Penutup

Kertas kerja ringkas ini berharap untuk memperkenalkan konsep PBL dan penggunaannya dalam kelas bahasa Melayu sebagai kepelbagaian kepada pengajaran dan pembelajaran kita.

Baru-baru ini, seorang guru dalam sesi dialog membincangkan amanat Hari Kebangsaan Perdana Menteri Encik Lee Hsien Loong, telah menanyakan

bagaimana kita hendak mengamati konsep “*teach less, learn more*” jika kita semuanya diajar berdasarkan cetakan lama?

Oleh itu, kita perlulah sentiasa menilai semula pengajaran kita dan lihat bagaimana ilmu yang kita sampaikan itu dapat digunakan pelajar dalam kehidupan harian mereka.

Saya tukil dua mutiara kata yang menjadi landasan pengajaran dan pembelajaran saya di NIE.

1. *What is the public value of your expert knowledge? (A/P Heng Swee Hai, NTU)*
2. *Don't just teach the disciplines and skill without a contextual understanding of how these fit into the real world.*

Bibliografi

Buzan, Tony, & Buzan, Barry, *The Mind Map Book*. London: BBC. 2000.

Chang, Agnes & Cheah Yin Mee (eds.), *Teachers' Handbook On Teaching Thinking Skills Across Disciplines*. Singapore: Prentice Hall. 2002.

Chang, Agnes, & Goh, Christine (eds.), *Teachers' Handbook On Teaching Generic Thinking Skills*. Singapore: Prentice Hall. 2002.

Delisle, Robert, *How To Use Problem-based Learning In The Classroom*. VA: Association for Supervision and Curriculum Development. 1997.

Denning, Stephen, *The Springboard: How Storytelling Ignites Action in Knowledge-era Organizations*. Boston: KMCI. 2001.

Hicks, M. J., *Problem Solving In Business and Management: Hard, soft and creative approaches*. London: ITBP. 1991.

Lachlan, E.D. Crawford, “Lessons From The Past – Re-examining Progressive Education” in *REACT: A Publication for Educators*. Vol. 22 No. 1 June 2003. Singapore: NTU/NIE. 2003.

Myint Swe Khine et. al., *Classroom Management for Beginning Primary Teachers*. Singapore: Prentice Hall. 2003.

Richards, Jack C. & Renandya, Willy A. (Eds.), *Methodology in Language Teaching: An Anthology of Current Practice*. USA: CUP. 2002.

S. Gopinathan et. al. (eds.), *Language, Society and Education in Singapore*. Singapore: EUP. 2003.

Schmuck, Richard A., & Schmuck, Patricia A., *Group Processes in the Classroom* (Eighth Edition). New York: McGraw Hill. 2001.

Tan Oon Seng et. al., *Educational Psychology: A Practitioner-Researcher Approach* (An Asian Edition). Singapore: Thomson. 2001.

Tan Oon Seng, *Problem-based Learning Innovation: Using Problems to Power Learning in the 21st Century*. Singapore: Thomson. 2003.

Tan Oon Seng, *Enhancing Thinking Through Problem-Based Learning Approaches: International Perspectives*. Singapore: Thomson. 2004.